

UEM Edgenta Lantik Shaiful Subhan sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2025 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) hari ini mengumumkan pelantikan Shaiful Subhan sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (MD/CEO) berkuat kuasa pada 1 November 2025. Shaiful telah berkhidmat sebagai Pegawai yang Bertanggungjawab syarikat semasa tempoh peralihan susulan peletakan jawatan mantan MD/CEO, Syahrizam Samsudin pada 31 Ogos 2025.

Shaiful Subhan menyertai Syarikat pada Januari 2023 sebagai Ketua Penyelesaian Penjagaan Kesihatan dan Pengarah Urusan Edgenta Mediserve Sdn Bhd. Menyandang jawatan ini, beliau memainkan peranan penting dalam menyelia hala tuju strategik syarikat, memacu kecemerlangan operasi dan mengembangkan perniagaannya dalam industri sokongan penjagaan kesihatan Malaysia.

Berbekalkan lebih 25 tahun pengalaman kepimpinan merentasi pelbagai sektor, Shaiful membawakan pelbagai kepakaran ke jawatan baharunya. Sebelum UEM Edgenta, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan IRIS Corporation Berhad dari 2017 hingga 2022. Kerjaya beliau yang terdahulu merangkumi pelbagai industri, termasuk telekomunikasi, penyiaran dan IT.

Shaiful berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Birmingham, UK, dan MBA dari Universiti New England, Australia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan seorang Felo Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) di UK.

Pelantikan ini melalui proses pemilihan yang menyeluruh dan ketat serta merupakan gambaran positif pengurusan penggantian kepimpinan Syarikat yang kukuh. Lembaga Pengarah UEM Edgenta yakin bahawa pengetahuan industri Shaiful yang mendalam, kepimpinan yang terbukti serta visinya akan mengukuhkan kedudukan UEM Edgenta dengan ketara sebagai pemain serantau terkemuka dalam Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, sila layari www.uemedgenta.com.

- Tamat -

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE:EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.